

Media Title : Utusan Borneo (Sarawak)
Headline : RM6.2 juta geran pengurusan akan diagih kepada 1,034 KRT
Date : 23 March 2022
Page : 5



UNTUK ALBUM: Fatimah merakam kenangan bersama wakil penerima KRT pada Majlis Penyerahan Geran KRT Komuniti Sejahtera Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2022 semalam. — Gambar Muhammad Rais Sarusi

RM6.2 juta geran pengurusan akan diagih kepada 1,034 KRT

KOTA SAMARAHAN: Sebanyak RM6.2 juta peruntukan bagi geran pengurusan akan diagihkan kepada 1,034 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang layak di negeri ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, setiap KRT yang layak akan diberi geran pengurusan bernilai RM6,000.

"Tahun ini kerajaan persekutuan menyediakan geran Rukun Tetangga sebanyak RM6.2 juta di negeri Sarawak.

"Ia bertujuan memperkukuhkan peranan KRT dalam komuniti melalui pelaksanaan agenda kerja Kawasan Rukun Tetangga yang merangkumi gerak kerja KRT sihat serta gerak kerja KRT bersih dan indah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Geran KRT Komuniti Sejahtera Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2022 di Dewan Suar Kota Samarahan di sini, semalam.

Sehubungan itu, beliau berharap semua jawatankuasa

Rukun Tetangga dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat kepada komuniti setempat masing-masing.

"Peruntukan geran yang diberi harus digunakan sebaiknya selari dengan pelaksanaan gerak kerja KRT.

"Peranan yang dimainkan KRT amat besar kerana ia bukan sahaja menyumbang kepada kesejahteraan komuniti tapi juga untuk seluruh rakyat Sarawak," katanya.

Menurutnya, Rukun Tetangga adalah sebuah organisasi sukarela yang ditu-

buhkan kerajaan pada 1975.

Organisasi itu katanya, diperluaskan ke Sarawak untuk memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan komuniti setempat.

"Justeru, kerajaan sentiasa mengiktiraf dan menghargai jasa serta pengorbanan sukarelawan Rukun Tetangga yang bertindak sebagai barisan hadapan.

"Kini terdapat 8,330 KRT di seluruh negara termasuk Sarawak," ujar beliau.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak Dirwana Azool.